

12/12/1997

TRI, TCE meterai MoU

Roslan Hamid in Teheran

TECHNOLOGY Resources Industries Bhd (TRI) semalam menandatangani perjanjian dengan sebuah firma Iran bagi menubuhkan syarikat usaha sama membekalkan perkhidmatan telefon selular Sistem Bergerak Sejagat (GSM) di Esfahan, Iran.

Perjanjian dengan Telcommunication Company of Esfahan (TCE) di Teheran itu, meningkat dan mengeratkan lagi hubungan Malaysia-Iran.

TRI diwakili Pengarah Eksekutif/Naib Presiden Eksekutifnya, Wan Aishah Wan Hamid manakala TCE diwakili Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Ali Nadipour.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Naib Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Ibrahim Habibi; Menteri Pos, Telegraf dan Telefon Iran, Dr Mohamad Reza Aref; dan Pengerusi TRI/Celcom, Tan Sri Tajudin Ramli.

Satu persefahaman untuk menawarkan perkhidmatan GSM di Iran dicapai dua tahun lalu ketika lawatan pertama Dr Mahathir ke Iran.

Berikutan itu satu perjanjian pada dasarnya dikeluarkan oleh Iran untuk TRI memulakan perkhidmatan di Esfahan, selatan bandar raya Teheran.

(END)